

UMS Edar Jalur Gemilang, Bendera Sabah Semarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 28 Ogos 2020 17:05 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 58



JUMAAT, 28 OGOS - Sebagai menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi tahun ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengedarkan jalur gemilang dan bendera Sabah kepada seluruh warga UMS.

Bendera diedarkan kepada setiap kenderaan di kampus UMS dalam satu acara di hadapan laluan pintu utama keluar UMS.

Acara penyerahan bendera tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin.

Acara itu merupakan salah satu usaha kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat UMS yang telah dilancarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun awal bulan ini.

Hadir sama pada acara tersebut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul; Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri Dan Masyarakat), Prof. Dr. Coswald Stephen Sipaut @ Mohd Nasri; Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof; dan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat, Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie Abd. Karim.

